

U 8503 AAB
MAHATHIR - MENTERI R'R'R'

KUALA LUMPUR, 26 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHU SEMUA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN DALAM BARISAN KABINET BARUNYA MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB DAN TIDAK MENYELEWENG.

+PESANAN SAYA KEPADA YANG BARU DAN LAMA IALAH SAMA IAITU TUMPUKAN PENUH PERHATIAN DAN TENAGA KEPADA KERJA-KERJA YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADA MEREKA+, KATANYA SELEPAS MENGUMUMKAN SENARAI PENUH SUSUNAN KABINETNYA HARI INI.

KATANYA, MEREKA YANG DILANTIK JUGA HARUSLAH MEMEGANG KEPADA KATA SEPAKAT DALAM KABINET DAN MEMEGANG SUMPAAH DAN JANJI YANG DILAFAZKAN SEBELUM MEMEGANG JAWATAN Masing-masing.

BELIAU BERKATA, SUMPAAH DAN JANJI INI HARUS DIPEGANG KERANA MEREKA DIHALANG DARIPADA MEMBOCORKAN SEBARANG RAHSIA KABINET DAN MEREKA DIPERLUKAN MEMPUNYAI PENDIRIAN BERSAMA.

KATANYA, INI KERANA, PERNAH PADA MASA LALU ADA MENTERI YANG MEMBOCORKAN RAHSIA UNTUK Mencari nama bagi diri mereka dan ada pula yang tidak mempunyai pendirian bersama daripada keputusan yang dibuat oleh kabinet. -- LAGI.

2004MST 26 10 90

MAHATHIR - MENTERI 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

PERDANA MENTERI BERKATA, PERKARA INI TIDAK SEHARUSNYA BERLAKU KERANA SEKALI KEPUTUSAN DIBUAT OLEH KABINET, MASING-MASING BERTANGGUNGJAWAB ATAS KEPUTUSAN ITU.

KATANYA, WALAUPUN MUNGKIN BERLAKU PERBEZAAN PENDAPAT, MEREKA HARUS MENERIMA KEPUTUSAN TERAKHIR YANG DICAPAI OLEH KABINET SEBAGAI SATU PENDIRIAN BERSAMA.

BELIAU JUGA BERKATA, MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN YANG BARU DAN LAMA DIKEHENDAKI MENGISYTIHARKAN HARTA MASING-MASING KEPADA BELIAU.

KATANYA, BAGAIMANAPUN, BELIAU MEMBERI MASA YANG LAMA KEPADA MEREKA INI UNTUK BERBUAT DEMIKIAN BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENGAMBIL MASA YANG CUKUP UNTUK MENENTUKAN JENIS HARTA MASING-MASING SEPERTI HARTA BOLEH ALIH DAN TIDAK BOLEH ALIH. -- LAGI.

2047MST 26 10 90

D819

U B513 AAB
MAHATHIR - MENTERI 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MENYERAHKAN KEPADA AGENSI-AGENSI YANG BERTANGGUNGJAWAB SEPERTI BADAN PENCEGAH RASUAH DAN POLIS UNTUK MENGESAN DAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MANA-MANA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN YANG MELAKUKAN PENYELEWENGAN.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK AKAN MENGUBAH BARISAN KABINET YANG BARU INI KECUALI BERLAKU SESUATU PERKARA YANG MEMAKSA KEPADA SATU SUSUNAN SEMULA.

APABILA DITANYA SAMADA ADA HASIL PERHIMPUNAN AGUNG UMNO AKAN DATANG, MEMUNGKINKAN BELIAU MEROMBAK SEMULA SUSUNAN, KATANYA, IA TIADA KENA MENGENA KECUALI BELIAU TEWAS DALAM PERTANDINGAN ATAU BERLAKU SESUATU PERUBAHAN BESAR DALAM PEMILIHAN.

+BUKANLAH AMALAN KITA MENGUBAH SUSUNAN KABINET MENGIKUT PERHIMPUNAN AGUNG UMNO+, JELASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KEPUTUSAN MELANTIK HANYA SEORANG MENTERI SEBAGAI WAKIL NEGERI KELANTAN ADALAH BERDASARKAN PEMILIHAN YANG DIBUAT OLEH RAKYAT NEGERI ITU PADA PILIHAN RAYA UMUM AHAD LEPAS. -- LAGI.

2054MST 26 10 90

D820

U B514 AAB
MAHATHIR - MENTERI 4 KUALA LUMPUR R'R'R'

KATANYA, KERAJAAN PUSAT MEMERLUKAN SEORANG WAKIL DARI KELANTAN YANG AKAN MENJADI SALURAN SEGALA PERHUBUNGAN DENGAN NEGERI ITU.

KETIKA DITANYA MENGENAI PENERIMAAN SULTAN DAN RAJA-RAJA TERHADAP MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI YANG DIKEKALKAN DI NEGERI-NEGERI, PERDANA MENTERI BERKATA, SULTAN DAN RAJA-RAJA TIDAK TERLIBAT DALAM PERLANTIKAN MEREKA TETAPI MENGIKUT PERLEMBAGAAN MEREKA HARUS MENERIMA PERLANTIKAN YANG DIBUAT BERDASARKAN PEMILIHAN MAJORITI. -- BERNAMA.